

Larangan Qiraat Syazah

ILMU qiraat adalah antara cabang ilmu yang perlu dipelajari teliti

Oleh DR. KHAIRUL ANUAR MOHAMAD

PADA minggu lepas, penulis menerima klip video melalui khidmat pesanan ringkas *whatsapp* berkaitan bacaan al-Quran daripada seorang qari. Beliau membaca surah al-Fatihah dengan secara bertarannum dan berqiraat. Tetapi yang peliknya, wajah khilaf Qiraat yang dibacanya adalah bukan daripada Qiraat *mutawatirah* yang sepuluh.

Pengirimnya bertanya adakah boleh membaca al-Quran selain Qiraat *mutawatirah* kerana beliau berhujah belum pernah mendengar mana-mana qari yang masyhur di Tanah Arab yang membaca al-Quran dengan Qiraat Syazah.

Pada hemat penulis, cerita ini mungkin akan habis begitu sahaja dan tidak perlu kepada ulasan. Namun beberapa hari selepas itu, rakan penulis yang lain pula menerima klip yang serupa dan mahukan jawapan yang lengkap berkaitan hal ini. Justeru, penulis membuat rujukan



Bicara Qiraat

kepada beberapa kitab Qiraat yang mengulas isu Qiraat Syazah.

Pada dasarnya, perlu difahami bahawa ilmu Qiraat adalah antara ilmu yang dijaga dengan teliti hingga ke hari ini. Cara penerimaan ilmu ini hendaklah bertalaqqi, iaitu membacanya di hadapan guru bukan dengan hanya faham dan mentelaah seorang diri sahaja. Jika seseorang mengkaji ilmu Qiraat dan menguasainya tanpa berguru maka ilmunya di sisi ahli ilmu seperti tidak mempunyai ilmu.

Rukun Qiraat

Ulama membahagikan Qiraat kepada dua iaitu *mutawatirah* dan *syazah*.

Bagi menentukan sesuatu Qiraat itu *mutawatirah* atau *syazah*, ulama telah menilai melalui tiga rukun Qiraat. Pertama, Qiraat tersebut mestilah menepati bahasa Arab yang fasih. Kedua, Qiraat tersebut hendaklah mempunyai sanad yang sah. Ketiga, menepati salah satu rasm mushaf Uthmani.

Selepas mengkaji semua Qiraat yang wujud melalui tiga rukun tersebut, Imam Ibnu Mujahid (meninggal pada 324 Hijrah) telah memilih tujuh Qiraat yang masyhur dan diamalkan di kota utama umat Islam ketika itu sebagai Qiraat *Mutawatirah*. Tujuh Qiraat tersebut ialah Nafei dari Madinah, Ibnu Kathir dari Mekah, Abu Amru dari Basrah, Ibnu Amir dari Damsyik, Asim, Hamzah dan al-Kisai dari Kufah.

Pengkajian terhadap Qiraat dan penilaiannya tidak pernah berhenti dengan apa yang dibuat oleh Ibnu Mujahid. Imam Ibnu al-Jazari (meninggal pada 833 Hijrah) terkenal dengan kealimannya dalam ilmu Qiraat daripada sudut riwayat dan dirayah telah menghasilkan banyak karya dalam bidang Qiraat dan sehingga ke hari ini, menjadi rujukan telah melakukan ijtihad yang diterima pakai oleh semua ulama.

Beliau menilai bahawa tiga Qiraat yang lain iaitu Abu Ja'far, Ya'qub dan Khalaf adalah di kalangan Qiraat *Mutawatirah* kerana menepati tiga rukun Qiraat. Serentak dengan itu, beliau telah menghasilkan satu kitab yang dinamakan *al-Durrah al-Mudhiyyah*, di mana kandungannya ialah semua khilaf 30 juzuk al-Quran usul tiga Qiraat berserta farsunya.

Tujuh Qiraat yang dipilih oleh Imam Ibnu Mujahid dicampur dengan Tiga Qiraat yang dipilih oleh Imam Ibnu al-Jazari dinamakan Sepuluh Qiraat. Kepakaran Ibnu al-Jazari diakui dan diterima ulama sezamannya hingga ke hari ini. Beliau menyatakan selain sepuluh Qiraat ini adalah Qiraat Syazah.



KAEDAH bertalaqqi adalah kaedah yang terbaik dalam mempelajari Qiraat. - Gambar hiasan

Haram bukan sekadar makruh

QIRAAT Syazah ditakrif oleh Ibnu al-Jazari ialah qiraat yang tidak menepati salah satu daripada tiga rukun Qiraat. Dengan maksud, jika sesuatu qiraat menepati bahasa Arab dan sanadnya sah tetapi tidak menepati rasm Uthmani, ia dianggap Syazah. Ini seperti qiraat yang dinasabkan kepada beberapa orang sahabat r.a; Qirat Umar r.a, Abu Darda' r.a, Abdullah Ibnu Mas'ud r.a.

Selain itu, Empat Qiraat telah dikategorikan sebagai Qiraat Syazah iaitu al-Hasan al-Basri, Ibnu Muhaisin, Yahya al-Yazidi dan al-Syanbuzi. Terdapat kisah perbalahan antara Ibnu Al-Syanbuzi dengan Ibnu Mujahid. Apabila Ibnu Mujahid mengutarakan pendapatnya tentang Qiraat Tujuh yang *mutawatirah*, pemerintah ketika itu menerima pakai pendapatnya dan melarang qiraat yang lain

diamalkan.

Begitu pun, Ibnu al-Syanbuz masih mengajar al-Quran berlainan dengan tiga rukun Qiraat dan Ibnu Mujahid telah membawa isu ini kepada pengadilan yang akhirnya, Ibnu al-Syanbuz dijatuhkan hukuman rotan. Justeru, sejak dahulu lagi ulama telah memberi hukum mengenai bacaan qiraat yang tidak *mutawatirah*.

Imam Malik menyatakan barang siapa membaca dalam solatnya Qiraat Ibnu Mas'ud atau Qiraat lain daripada kalangan sahabat r.a yang menyalahi rasm mushaf, maka tidak boleh bersolat di belakangnya. Imam Ibnu al-Salah pula menyatakan larangan tidak boleh membaca Qiraat Syazah adalah berbentuk haram bukan sekadar makruh, sama ada dalam solat atau bacaan biasa.



Imam Ibnu al-Hajib juga melarang daripada membaca Qiraat Syazah bahkan perlu mengambil tindakan dengan mengarah mereka tidak membacanya. Menurut Syeikh

Abdul Azim al-Zarqani larangan ini adalah kerana Qiraat Syazah bukan daripada al-Quran. Al-Quran hanya yang menepati tiga rukun Qiraat.

Akhirnya, penulis memetik nasihat daripada Imam Besar Masjid Negara, Tan Sri Syeikh Ismail Mohamad al-Hafiz yang memberi ulasan dalam isu ini. Beliau menyeru kepada masyarakat agar mendalami riwayat hafs yang selalu diamalkan dengan bertalaqqi daripada guru yang mahir. Dan jangan membaca al-Quran dengan Qiraat Syazah kerana ia dilarang oleh ulama.